

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	18/05/2013

Tugas melaksanakan aku janji

Oleh **NURUL ANUAR KARI**
anuar.kari@utusan.com.my

DENGAN selesainya pemilihan menteri-menteri untuk kementerian di peringkat Pusat baru-baru ini, rakyat kini beralih pula melihat kementerian mana yang bertanggungjawab melaksanakan 17 aku janji manifesto Barisan Nasional (BN) kelak.

Aku janji pertama untuk 'menangani kos sara hidup' banyak melibatkan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) serta beberapa agensi dan kementerian lain khususnya untuk Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Baucar Buku 1Malaysia, bantuan persekolahan dan lain-lain bantuan kepada rakyat.

Tugas menyemak semula Dasar Automotif Nasional melibatkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sementara Kementerian Kesihatan memantau pembukaan Klinik 1Malaysia di dalam kawasan komuniti padat penduduk.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bertanggungjawab untuk Kedai Rakyat 1Malaysia (KRIM) dan pengagihan produk 1Malaysia, termasuk pelaksanaan dasar 1Negara 1Harga bagi barangan keperluan asas.

Aku janji 'meningkatkan kehidupan warga bandar' pula akan dikepalai Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama Kementerian Wilayah Persekutuan dan JPM dalam hal-hal memulih semula rumah kos rendah dan flat serta menyediakan perumahan awam berkualiti khusus untuk generasi muda.

Kemudahan pendidikan, latihan dan perkhidmatan kesihatan pula akan dipantau Kementerian Pelajaran serta Kementerian Kesihatan. Sementara itu, manifesto untuk 'menyediakan rumah mampu milik' melibatkan banyak agensi dan kementerian termasuk di bawah JPM; Kementerian Kewangan; Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; Kementerian Wilayah Persekutuan bersama GLC dan pihak swasta.

Untuk 'peluang mendapat perkhidmatan kesihatan berkualiti', Kementerian Kesihatan akan bersama Kementerian Kewangan dan Kementerian Kerja Raya dalam mem-



PERDANA Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak bersama Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta barisan Kabinet baru pada sesi bergambar sebelum mesyuarat Kabinet di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, kelmarin. - BERNAMA

bangunkan kemudahan kesihatan negara.

Sasaran 'ke arah kecekapan terhebat pengangkutan awam' pula akan melibatkan Kementerian Pengangkutan; JPM khususnya Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat; Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Kewangan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; serta Kementerian Wilayah Persekutuan juga akan terlibat dalam penambahbaikan perkhidmatan, laluan dan terminal untuk teksi, bas, rel dan komuter. Rancangan 'pembangunan infrastruktur bertaraf dunia dan transformasi luar bandar' pula akan bergantung kepada Kementerian Kerja Raya khususnya menambah baik atau pembinaan lebuhraya di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; serta Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air pula akan menyelesaikan masalah bekalan air bersih dan elektrik. Sementara itu, untuk 'membina ekonomi mapan, dinamik dan inovatif', JPM (Unit Perancang Ekonomi, Unit Kerjasama Awam Swasta, TERAJU) akan bersama Kementerian Perdagangan Antara-

bangsa dan Industri; serta agensi dan kementerian lain termasuk GLC dan swasta.

Kementerian Pelajaran pula akan meneruskan usaha 'membina kecemerlangan pendidikan negara' sama ada penambahbaikan kualiti sekolah terutamanya di Sabah dan Sarawak mahupun meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, sains dan matematik.

Kementerian Kewangan akan terlibat dalam penyediaan dana seperti biasiswa dan peruntukan sekolah sementara Kementerian Kerja Raya dalam penyediaan kemudahan bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Untuk 'meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam' pula, JPM khususnya Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia akan bekerjasama dengan Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam menaiktaraf pasukan polis, tentera dan pasukan beruniform lain.

Kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Wilayah Persekutuan serta Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan membantu menyediakan

kemudahan keselamatan seperti lampu dan rondaan awam. Sementara itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengetuai usaha 'memperkasakan penyertaan wanita' dalam membuat keputusan, termasuk menyediakan pusat asuhan, bantuan golongan memerlukan dan undang-undang gangguan seksual.

Kementerian Belia dan Sukan pula akan cuba 'memenuhi aspirasi belia' melalui pelbagai inisiatif, program, pendidikan, gerak kesenian dan semangat sukarelawan. Usaha 'memerangi gejala rasuah' akan melibatkan agensi di bawah JPM, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Jabatan Audit Negara bersama pasukan beruniform Kementerian Dalam Negeri.

Dalam 'merancang jaringan keselamatan sosial', JPM bersama Kementerian Wilayah Persekutuan; Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan merancang bermacam bentuk bantuan terutamanya bagi penduduk pribumi.

JPM khususnya melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, akan bekerjasama dengan beberapa kementerian 'mempromosikan agama Islam, kebebasan dan keharmonian agama' dalam memupuk keharmonian, mendukung Islam sebagai agama Persekutuan, menjaga kebajikan sekolah dan institusi agama serta rumah ibadat agama lain. Sementara itu, Rancangan 'memperkuatkan perkhidmatan awam, menambah baik tadbir urus' akan digerakkan JPM melalui SPA dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

'Gerakan kesederhanaan global' pula akan dilaksanakan Kementerian Luar dengan bantuan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri; KDN serta Kementerian Pertahanan.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pula akan mengetuai usaha 'memulihara sumber semula jadi' dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Kementerian Tenaga dan Teknologi Hijau dan Air di samping beberapa agensi lain dalam mendidik masyarakat serta melaksana undang-undang lebih ketat.